

**SURAT IKATAN AMANAH** ini dibuat pada.....(tarikh)

**ANTARA**

Penama yang dinyatakan di Bahagian I pada Jadual  
(kemudian daripada ini dirujuk sebagai “**Pengasas**” sebagai satu pihak)

**DAN**

Penama-penama yang dinyatakan di Bahagian II pada Jadual  
(kemudian daripada ini dikenali sebagai “**Pemegang-pemegang Amanah**” sebagai  
satu pihak lain)

**BAHAWASANYA:**

- (a) Pengasas dengan ini mengamanahkan sejumlah Harta Amanah untuk ditadbir oleh Pemegang-pemegang Amanah yang dilantik oleh Pengasas dengan berpandukan objektif seperti yang dijelaskan di klausu **[xxx]** Surat Ikatan Amanah ini; dan
- (b) Tanpa prejudis kepada kegunaan am Tabung Amanah, Pemegang-pemegang Amanah mempunyai kuasa dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa menggunakan tabung tersebut untuk mencapai objektif sama ada sebahagian atau keseluruhan daripada pendapatannya secara eksklusif tanpa mencari untung dan tanpa kepentingan politik.

Maka **SURAT IKATAN AMANAH** ini menyaksikan sebagaimana berikut:

**1.0 TAKRIF**

Bagi maksud Surat Ikatan Amanah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki maksud yang lain, perkataan-perkataan di bawah hendaklah mempunyai maksud yang berikut:

- (a) "Akta" bermaksud Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] termasuk apa-apa peraturan yang diluluskan dibawahnya dan apa-apa pindaan kemudiannya.
- (b) "Menteri" bermaksud Menteri yang bertanggungjawab terhadap pemerbadanan pemegang amanah di bawah Akta.
- (c) "Surat Ikatan Amanah" bermaksud surat cara yang ditandatangani oleh Pengasas dan Pemegang-pemegang Amanah termasuk semua jadual, lampiran, pindaan dan tambahan yang mungkin dimasuki oleh Pengasas dan Pemegang-pemegang Amanah dari semasa ke semasa.
- (d) "Pengasas" bermaksud **[Nama Pengasas Pertama (No. Kad Pengenalan: xxx)]** dan **[Nama Pengasas Kedua (No. Kad Pengenalan: xxx)]**.
- ATAU
- bermaksud **[Nama Syarikat/Pertubuhan (No. Pendaftaran: xxx)]**.
- (e) "Pemegang-pemegang Amanah" bermaksud pemegang amanah yang dilantik di bawah Surat Ikatan Amanah ini.

- (f) “[Nama Pemerbadanan Pemegang Amanah]” bermaksud Pemerbadanan Pemegang Amanah yang ditubuhkan di bawah Surat Ikatan Amanah ini.
- (g) “Harta Amanah” bermaksud tidak terhad kepada wang dana, hasil pelaburan atau harta tanah dalam bentuk aset yang ada pada setiap masa di bawah milikan dana nama Pemerbadanan Pemegang Amanah itu tertakluk kepada amanah dan Surat Ikatan Amanah.

## 2.0 LATAR BELAKANG PEMERBADANAN PEMEGANG AMANAH

### 2.1 Nama

- (a) Pemegang-pemegang Amanah hendaklah secara bersama dikenali sebagai [Nama Pemerbadanan Pemegang Amanah] dan hendaklah memohon satu sijil pemerbadanan tersebut mengikut peruntukan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] sebagai sebuah Badan Korporat dan DENGAN INI DIISYTIHARKAN sebaik sahaja sijil pemerbadanan tersebut dikeluarkan dan selama mana terus berkuat kuasa maka perkataan “berdaftar” hendaklah ditambah pada nama [Nama Pemerbadanan Pemegang Amanah] tersebut dan nama Pemegang Amanah akan menjadi “**Pemegang [Nama Pemerbadanan Pemegang Amanah] Berdaftar**”.
- (b) Selama mana Pemegang-pemegang Amanah tersebut diperbadankan di bawah Akta ini maka mereka hendaklah mematuhi semua peruntukan Akta bersekali dengan pindaannya dari semasa ke semasa dan hendaklah juga tertakluk kepada undang-undang lain yang berkuat kuasa.

## 2.2 Objektif

- (a) Objektif penubuhan pemerbadanan pemegang amanah adalah seperti berikut:
- (i) [xxx];
  - (ii) [xxx]; dan
  - (iii) [xxx].
- (b) Objektif penubuhan pemerbadanan pemegang amanah boleh dicapai dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti berikut:
- (i) [xxx];
  - (ii) [xxx]; dan
  - (iii) [xxx].

## 2.3 Alamat Surat-menyurat Berdaftar

- (a) [Nama Pemerbadanan Pemegang Amanah] akan menjalankan urusannya di pejabat yang mempunyai alamat berdaftar seperti berikut:
- [Alamat Pemerbadanan Pemegang Amanah]**
- (b) Sebarang pindaan atau pertukaran kepada alamat pejabat dan surat-menyurat [Nama Pemerbadanan Pemegang Amanah] akan dimaklumkan kepada Menteri melalui Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri.

## 2.4 Meterai Am

- (a) Sebaik sahaja Pemegang-pemegang Amanah diberikan satu Sijil Pemerbadanan di bawah peruntukan Akta ini, maka Pemegang-pemegang Amanah hendaklah mempunyai meterai am yang mempunyai perkataan "**PEMEGANG AMANAH [NAMA PEMERBADANAN PEMEGANG AMANAH] BERDAFTAR**".
- (b) Meterai Am hendaklah disimpan dengan selamatnya oleh Pengurus Lembaga Pemegang Amanah atau sesiapa yang dilantik dan dipertanggungjawabkan oleh Lembaga Pemegang Amanah.
- (c) Meterai Am hendaklah digunakan untuk setiap perjanjian di antara Pemerbadanan Pemegang Amanah dengan pihak lain dengan disaksikan oleh Pengurus Lembaga Pemegang Amanah atau sesiapa yang dilantik oleh Lembaga Pemegang Amanah dan sekurang-kurangnya seorang Pemegang Amanah yang lain.

## 3.0 LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

### 3.1 Pelantikan Pemegang Amanah

- (a) Bilangan Pemegang Amanah boleh ditambah atau dikurangkan iaitu tidak kurang daripada **tiga (3) orang** dan tidak melebihi **[bilangan (xxx)] orang** Pemegang Amanah di mana sekurang-kurangnya enam puluh peratus (60%) anggota Lembaga Pemegang Amanah adalah anggota bebas yang tidak berkaitan dengan Pemerbadanan Pemegang Amanah.
- (b) Kuasa untuk melantik Pemegang-pemegang Amanah baharu, pelantikan semula Pemegang-pemegang Amanah dan pemecatan Pemegang-pemegang Amanah akan ditentukan oleh Lembaga Pemegang Amanah.

- (c) Dalam keadaan sekiranya tiada Pemegang Amanah, kuasa untuk melantik Pemegang-pemegang Amanah baharu dan pelantikan semula Pemegang-pemegang Amanah boleh dilaksanakan oleh pengasas (jika masih ada) atau dibuat melalui perintah Mahkamah mengikut peruntukan di bawah seksyen 9, Akta Prosiding Kerajaan 1956 [*Akta 359*] atau seksyen 45, Akta Pemegang Amanah 1949 [*Akta 208*] atau dibuat melalui Pemegang Amanah yang tinggal (*surviving or continuing trustee*) secara bertulis mengikut peruntukan di bawah seksyen 40 Akta Pemegang Amanah 1949 [*Akta 208*].
- (d) Tempoh perkhidmatan Pemegang-pemegang Amanah adalah **[bilangan (xxx)] tahun**. Walau bagaimanapun, Pemegang-pemegang Amanah boleh dilantik semula jika diputuskan oleh Lembaga Pemegang Amanah.
- (e) Setiap pelantikan Pemegang Amanah baharu dan pelantikan semula Pemegang Amanah hendaklah diperakui oleh Lembaga Pemegang Amanah dan dimaklumkan kepada Menteri melalui Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri selepas pelantikan tersebut selesai tertakluk kepada pemakaian seksyen 5 Akta ini.
- (f) Dalam melaksanakan kuasa di bawah Surat Ikatan Amanah ini, Pemegang Amanah yang dilantik hendaklah juga bertanggungjawab untuk mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa.

### 3.2 Tanggungjawab Fidusiari Pemegang Amanah

- (a) Pemegang Amanah hendaklah pada setiap masa menjalankan kuasanya mengikut Akta dan Surat Ikatan Amanah ini dengan suci hati demi mencapai objektif pemerbadanan.

- (b) Pemegang Amanah hendaklah menjalankan kuasanya secara berjaga-jaga dengan mengambil kira ketelitian, kemahiran dan usaha yang munasabah.
- (c) Pemegang Amanah menanggung liabiliti sepetimana yang diperuntukkan menurut seksyen 6 Akta ini.

### 3.3 Keanggotaan Lembaga Pemegang Amanah

Lembaga Pemegang Amanah haruslah terdiri daripada Pengerusi yang dilantik dalam kalangan Pemegang Amanah bagi tujuan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah sahaja (selepas ini dirujuk sebagai “**Pengerusi Mesyuarat**”) dan lain-lain Pemegang Amanah sebagai ahlinya.

### 3.4 Kuasa Lembaga Pemegang Amanah

- (a) Selain daripada keputusan yang dicapai melalui klaus 6.6, Lembaga Pemegang Amanah boleh juga membuat keputusan secara bertulis menerusi Resolusi Berpekeliling dengan syarat resolusi tersebut perlu ditandatangani oleh kesemua anggota Lembaga Pemegang Amanah.
- (b) Lembaga Pemegang Amanah boleh melantik serta berkuasa untuk melantik mana-mana agen atau pengkhidmat bagi membantu Pemegang-pemegang Amanah dalam mengendalikan urusan pentadbiran dan pengurusan **[Nama Pemerbadanan Pemegang Amanah]**. Pemegang-pemegang Amanah mempunyai budi bicara untuk menetapkan ganjaran yang munasabah untuk pelantikan tersebut tertakluk pada klaus 4.4 Surat Ikatan Amanah ini.

### **3.5 Pemecatan dan hilang kelayakan sebagai Pemegang Amanah**

- (a) Jawatan Pemegang Amanah disifatkan sebagai terhenti sekiranya Pemegang Amanah:
- (i) pernah disabitkan sama ada di Malaysia atau di luar negara atas apa-apa kesalahan dan dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada RM1,000.00 atau penjara tidak kurang daripada satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali;
  - (ii) pernah dibuat atau berkuat kuasa suatu perintah tahanan, pengawasan, kediamanan terhad, buang negeri, depotasi, sekatan, pengawasan dengan bon atau sebaliknya di bawah mana-mana undang-undang di Malaysia;
  - (iii) diisyiharkan bankrap atau belum dilepaskan daripada kebankrapan;
  - (iv) telah atau pernah diisyiharkan sebagai tidak siuman;
  - (v) meletak jawatan secara bertulis kepada Lembaga Pemegang Amanah;
  - (vi) gagal mengisyiharkan apa-apa kepentingan bagi isu yang dibincangkan;
  - (vii) diputuskan oleh Lembaga Pemegang Amanah sebagai seorang yang tidak layak sekiranya tidak menjalankan tugas sebagai Pemegang Amanah; atau
  - (viii) tidak hadir mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah tiga kali berturut-turut tanpa notis bertulis.

- (b) Pemecatan atau peletakan jawatan Pemegang Amanah hendaklah dimaklumkan kepada Menteri melalui Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri.

#### 4.0 HARTA AMANAH

- 4.1 Pemegang-pemegang Amanah akan terus memegang dana berbentuk wang (juga dirujuk sebagai “**Dana Amanah**”) yang dimasukkan ke dalam suatu Tabung Amanah dan termasuk segala kepentingan dalam hartanah sama ada dalam bentuk aset alih atau tidak alih (juga dirujuk sebagai “**Aset Amanah**”). Pemegang-pemegang Amanah akan memegang dan menggunakan Harta Amanah tersebut bagi tujuan mencapai objektif penubuhan pemerbadanan pemegang amanah.
- 4.2 Dalam melaksanakan amanah serta tertakluk kepada Surat Ikatan Amanah dan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa, Pemegang-pemegang Amanah boleh, pada masa-masa akan datang, menjual serta menukar bentuk segala kepentingan hartanah kepada tunai atau wang tunai dengan persetujuan **semua anggota Lembaga Pemegang Amanah** melalui resolusi bertulis.
- 4.3 Pemegang-pemegang Amanah mempunyai budi bicara serta menurut prinsip fidusiari untuk melaburkan **tidak melebihi 25%** daripada Tabung Amanah **[Nama Pemerbadanan Pemegang Amanah]** dalam mana-mana bentuk pelaburan dan jenis pelaburan yang dibenarkan oleh undang-undang selaras dengan polisi pelaburan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.
- 4.4 Pemegang-pemegang Amanah boleh menggunakan **tidak melebihi 20%** daripada Tabung Amanah **[Nama Pemerbadanan Pemegang Amanah]** untuk tujuan membayar segala perbelanjaan pengurusan dan sebarang perbelanjaan yang terakru kerana memenuhi objektif penubuhan, perjalanan dan pentadbiran pemerbadanan pemegang amanah.

- 4.5 Pemegang-pemegang Amanah atas budi bicara dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkuat kuasa, dari semasa ke semasa boleh mengumpul dana untuk mencapai objektif pemerbadanan dengan melakukan aktiviti-aktiviti seperti berikut:
- (a) [xxx];
  - (b) [xxx]; dan
  - (c) [xxx].

## 5.0 HAL-HAL KEWANGAN

- 5.1 Jumlah wang yang disediakan oleh Pengasas sebagai Harta Amanah bagi permulaan menjalankan aktiviti pemerbadanan pemegang amanah adalah dalam bentuk tunai sebanyak **RMxxx (Ringgit Malaysia xxx sahaja)**.
- 5.2 Satu buku akaun yang sempurna hendaklah disimpan dan disediakan oleh Pemegang-pemegang Amanah atau bagi pihak Pemegang-pemegang Amanah yang menunjukkan butir-butir penerimaan dan perbelanjaan dan hendaklah diaudit oleh juruaudit bertauliah yang dilantik dari semasa ke semasa oleh Lembaga Pemegang Amanah.
- 5.3 Tahun kewangan berakhir bagi **[Nama Pemerbadanan Pemegang Amanah]** adalah pada **31 Disember** setiap tahun.
- 5.4 Laporan kewangan tahunan yang dikemukakan hendaklah pada bila-bila masa terbuka untuk pemeriksaan oleh mana-mana pihak tertakluk kepada sebarang peraturan yang ditetapkan oleh Menteri.
- 5.5 Pemegang-pemegang Amanah hendaklah bertanggungjawab bagi penyediaan penyata akaun tahunan yang telah diaudit oleh juruaudit bertauliah berserta penyata aset dan liabiliti pemerbadanan pemegang

amanah dan memastikan penyata-penyata tersebut dibawa ke Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah untuk diperakukan serta seterusnya mengemukakan penyata-penyata tersebut kepada Menteri melalui Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri tertakluk pada peruntukan seksyen 15 Akta ini.

- 5.6 Pemegang-pemegang Amanah hendaklah mematuhi peruntukan dalam Akta ini dan segala garis panduan yang ditetapkan di bawah Akta serta segala pindaan lanjut berkaitan:
- (a) penyimpanan akaun bagi pemerbadanan pemegang amanah;
  - (b) penyediaan penyata kewangan tahunan bagi pemerbadanan pemegang amanah;
  - (c) pengauditan penyata kewangan tahunan bagi pemerbadanan pemegang amanah oleh juruaudit;
  - (d) penghantaran penyata kewangan tahunan bagi pemerbadanan pemegang amanah kepada Menteri; dan
  - (e) sebarang syarat mengenai akaun pemerbadanan pemegang amanah yang difikirkan sesuai atau/dan perlu oleh Menteri.
- 5.7 Kesemua cek pembayaran yang ditandatangani oleh **dua (2) orang** Pemegang Amanah adalah dianggap pembayaran yang sah yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah dengan syarat ia mengikut had bidang kuasa yang ditetapkan di dalam Resolusi Lembaga Pemegang Amanah kepada bank.

## 6.0 MESYUARAT LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

- 6.1 Lembaga Pemegang Amanah hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya **[bilangan (xxx)] kali setahun** pada masa dan tempat yang akan ditentukan oleh Lembaga Pemegang Amanah. Notis

mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah adalah dalam tempoh minima **[xxx]** hari atau tempoh yang dipersetujui bersama oleh mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah.

- 6.2 Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah juga mempunyai hak untuk mengundi.
- 6.3 Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah boleh memanggil satu mesyuarat khas dengan memberikan butir-butir untuk perbincangan dengan notis selama **[xxx]** hari.
- 6.4 Kuorum Lembaga Pemegang Amanah ialah **tiga (3) orang** Pemegang Amanah atau **minimum dua pertiga (2/3)** daripada jumlah semasa Lembaga Pemegang Amanah; yang mana lebih tinggi.
- 6.5 Satu buku minit mesyuarat hendaklah disediakan bagi mencatat dan merekodkan segala bentuk keputusan, persidangan, mesyuarat dan keputusan Lembaga Pemegang Amanah.
- 6.6 Semua keputusan yang dicapai termasuk melantik dan memecat Pemegang-pemegang Amanah hendaklah ditentukan melalui **majoriti** anggota yang hadir mengundi pada hari tersebut.
- 6.7 Sekiranya berlaku kesamarataan undian dalam mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah, Pengerusi mempunyai kuasa untuk membuat undian kedua atau undian pemutus.
- 6.8 Setiap Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk mengisyiharkan apa-apa konflik kepentingan yang mungkin wujud dalam perbincangan berkaitan dengan urusan pemerbadanan pemegang amanah.

## 7.0 AKAUN BANK

- 7.1 Pemegang-pemegang Amanah boleh dari semasa ke semasa membuka dan menyimpan sebuah akaun bank atau beberapa akaun

bank di sebuah atau beberapa buah bank seperti mana yang akan diputuskan oleh Lembaga Pemegang Amanah.

- 7.2 Lembaga Pemegang Amanah juga boleh pada bila-bila masa membayar mana-mana wang yang merupakan sebahagian dari Tabung Amanah itu ke dalam kredit mana-mana akaun tersebut atau menempatkan mana-mana wang itu sebagai deposit dengan mana-mana bank.
- 7.3 Semua cek dan arahan untuk pembayaran wang hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah dan seorang lagi Pemegang Amanah yang mana kedua-duanya diberi kuasa melalui resolusi kepada bank oleh Lembaga Pemegang Amanah.
- 7.4 Pemegang-pemegang amanah tidak boleh menurunkan kuasa menandatangani cek kepada mana-mana orang selain daripada dalam kalangan pemegang-pemegang amanah yang yang ditetapkan di dalam Resolusi Lembaga Pemegang Amanah kepada bank.

## **8.0 LIABILITI**

Tertakluk kepada peruntukan Akta ini dan mana-mana undang-undang lain yang sedang berkuatkuasa, semua Pemegang Amanah, walaupun mereka diperbadankan, hendaklah bertanggungan mengenai apa-apa harta yang ada didalam tangannya dan hendaklah bertanggungan menjawab dan bertanggungan menerangkan mengenai perbuatan, penerimaan, keaiban dan keingkaran, dan mengenai pentadbiran wajar kumpulan atau persatuan orang-orang itu serta hartanya.

## **9.0 PINDAAN KE ATAS SURAT IKATAN AMANAH**

- 9.1 Lembaga Pemegang Amanah boleh dari semasa ke semasa meminda, menambah, mengubah atau memansuhkan mana-mana klausa serta membuat klausa baru yang difikirkan patut dan sesuai oleh Lembaga Pemegang Amanah termasuk pelantikan Pemegang Amanah baharu atau pelantikan semula Pemegang Amanah.

9.2 Sebarang pindaan terhadap Surat Ikatan Amanah ini hendaklah dilaksanakan melalui Surat Ikatan Amanah Tambahan dan mendapat kelulusan Menteri melalui Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri.

## 10.0 PEMBUBARAN PEMERBADANAN PEMEGANG AMANAH

- 10.1 Sekiranya Pengasas atau Lembaga Pemegang Amanah berhasrat untuk menamatkan perjalanan **[Nama Pemerbadanan Pemegang Amanah]** ini melalui peruntukan Seksyen 18 Akta (pembubaran sukarela) atau pemerbadanan pemegang amanah ini dibubarkan melalui peruntukan Seksyen 17 Akta (perintah Menteri), maka kesan kepada pembatalan Sijil Pemerbadanan Pemegang Amanah bagi **[Nama Pemerbadanan Pemegang Amanah]** adalah sebagaimana peruntukan seksyen 19 Akta.
- 10.2 Walau bagaimanapun, jika ketiadaan Pemegang Amanah yang dilantik sebagaimana peruntukan seksyen 19(1) Akta, maka segala Harta Amanah termasuk aset dan wang yang dimiliki oleh pemerbadanan setelah ditolak dan diselesaikan segala perbelanjaan dan liabiliti yang terbabit, hendaklah terletak hak ke atas Amanah Raya Berhad sebagaimana peruntukan seksyen 19(2) Akta sehingga Pemegang Amanah baharu dilantik bagi menguruskan Harta Amanah tersebut.
- 10.3 Pemegang Amanah yang dilantik bertanggungjawab menguruskan Harta Amanah untuk didermakan kepada mana-mana organisasi atau badan kebajikan yang bukan berasaskan keuntungan dan mempunyai objektif yang sama atau serupa dengan pemerbadanan pemegang amanah selepas dibubarkan.
- 10.4 Pembubaran secara sukarela **[Nama Pemerbadanan Pemegang Amanah]** melalui peruntukan Seksyen 18 Akta hendaklah dimaklumkan kepada Menteri melalui Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri yang mengeluarkan Sijil Pemerbadanan.

## **11.0 PENYELESAIAN PERTIKAIAN**

Sekiranya timbul sebarang pertikaian di antara Pemegang-pemegang Amanah berkaitan dengan kesahihan atau keabsahan terhadap sebarang tindakan yang dilaksanakan oleh Pemegang-pemegang Amanah berdasarkan Surat Ikatan Amanah ini dan tiada sebarang persefahaman dapat dicapai, maka pihak yang terbabit mestilah dengan suci hati dan bersepakat menyelesaikan pertikaian tersebut secara mediasi sebelum menyelesaiannya dengan cara litigasi di Mahkamah.

## **12.0 UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL**

Surat Ikatan Amanah ini dibentuk di bawah undang-undang Malaysia dan hak setiap orang menurut dokumen ini dan pentafsiran dan kesan setiap dan semua peruntukan dokumen ini hendaklah tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

*(Sebahagian daripada muka surat ini sengaja dibiarkan kosong)*

Bagi menyaksikan Surat Ikatan Amanah ini, maka kami yang terlibat menurunkan tandatangan masing-masing di tempat dan tarikh yang termaktub di atas:

Ditandatangani oleh **PENGASAS** )  
di hadapan: ) .....  
.....

Nama :  
No. K/P:  
Jawatan:

Nama Saksi:  
No. K/P Saksi:  
Jawatan Saksi:

Nama:  
No. K/P:  
Jawatan:

Ditandatangani oleh **PEMEGANG-**  
**PEMEGANG AMANAH** di hadapan: )  
.....

Nama Saksi:  
No. K/P Saksi:  
Jawatan Saksi:

Nama:  
No. K/P:

.....  
Nama:  
No. K/P:

.....  
Nama:  
No. K/P:

## JADUAL

### Bahagian I (Pengasas)

Bil.	Nama	No. Kad Pengenalan/ No. Pendaftaran Syarikat/ No. Pendaftaran Pertubuhan	Alamat
1.			
2.			

### Bahagian II (Pemegang-Pemegang Amanah)

Bil.	Nama	No. Kad Pengenalan	Alamat	Tempoh Perkhidmatan
1.				x tahun (tarikh mula – tarikh tamat)
2.				
3.				